

14/02/1999

Bentuk sistem kewangan menerusi perundingan

Azizi Othman in Montego Bay (Jamaica)

MONTEGO BAY (Jamaica): Negara Kumpulan 15 (G-15), bersetuju supaya proses pembentukan tata cara kewangan antarabangsa dibuat menerusi satu proses perundingan di peringkat antarabangsa.

Keputusan itu dibuat bagi memastikan kedua-dua negara maju dan membangun mempunyai hak yang sama rata dalam menentukan kepentingan mereka tidak terjejas dengan sebarang usaha yang diambil ke arah itu pada masa depan.

Kenyataan bersama selepas sidang kemuncak G-15 di sini tamat semalam, menyebut langkah itu dibuat menyedari ekonomi sejagat kini dibentuk oleh pelbagai negara yang mempunyai latar belakang berbeza.

"Mekanisme perundingan di peringkat antarabangsa perlu ditubuhkan supaya reformasi sistem kewangan antarabangsa mengambil kira perbezaan ini," kata kenyataan itu.

Peruntukan itu mencerminkan kejayaan Malaysia dalam memperjuangkan hak negara membangun dan perlunya sistem kewangan dunia kini diperbaiki untuk memastikan ia dapat membantu kestabilan sejagat pada masa depan.

Ini terbukti apabila draf kenyataan bersama yang membabitkan perkara itu sebenarnya dicadangkan oleh Malaysia dan ia mendapat persetujuan sebulat suara sidang kemuncak G-15 kali ini.

Dalam sidang kemuncak yang berlangsung sejak 10 Februari lalu dan dihadiri lapan ketua negara G-15 itu, Malaysia diwakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Satu lagi saranan Malaysia yang diterima G-15 dan dimasukkan dalam kenyataan bersama itu ialah supaya forum itu mengadakan dialog dengan negara Kumpulan Lapan (G-8) dari semasa ke semasa.

"Kita percaya langkah ini positif dan muncul pada masa yang tepat kerana dialog seumpama itu akan membuka laluan kepada kedua-dua pihak untuk mengiktiraf kepentingan masing-masing," katanya.

Unsur lain yang mendapat perhatian dalam kenyataan bersama itu ialah supaya masyarakat antarabangsa segera membuat reformasi terhadap sistem kewangan dunia dan mula mengambil langkah lebih konkrit menjayakannya.

Ia dibuat sejajar dengan persetujuan anggota G-15 supaya masyarakat kewangan antarabangsa untuk membangunkan satu mekanisme dan sistem yang sesuai bagi kawal selia operasi peserta pasaran kewangan.

Ia antara lain mahu supaya pengurus dana lindung nilai dan spekulator serta peniaga wang tidak mempunyai pengaruh yang terlalu besar sehingga mampu menjejaskan ekonomi sesebuah negara.

Mekanisme itu dapat menjadi sistem amaran awal kepada sesebuah negara yang menghadapi risiko krisis ekonomi dan pada masa yang sama, menjadi prinsip asas bagaimana untuk bertindak menghalangnya.

Selain itu, ketua kerajaan G-15 juga menyarankan supaya fungsi institusi kewangan dan dana antarabangsa dibuat lebih sejajar dengan kehendak Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Ini kerana, ketika ini pengaruh autonomi institusi kewangan seumpama itu sering digugat dan dibayangi pelbagai syarat sampingan yang dikenakan dalam memenuhi peraturan WTO.

Prihatin terhadap perlunya reformasi dilaksanakan, ketua negara G-15 juga menggesa supaya sebarang langkah yang diambil mestilah dibuat tanpa mengetepikan pertimbangan terhadap impak sosialnya.

Ia dibuat bagi memastikan ia tidak akan menjejaskan kepentingan masyarakat termiskin dan paling mudah terjejas, sekali gus meminimumkan risiko terhadap pekerja.

( END )